

11 JAN 1996

Mahathir-Cuepacs

CUEPACS PERLU SANGGUP TERIMA APA YANG BETUL, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan boleh berunding dengan Cuepacs berhubung formula agihan pelarasan gaji kakitangan awam tetapi kongres kesatuan pekerja itu haruslah sanggup menerima apa yang betul.

Perdana Menteri yang tetap dengan pendirian bahawa agihan pelarasan itu hendaklah dilakukan dengan adil meliputi semua pihak dalam perkhidmatan awam, berkata kerajaan tidak harus dipersalahkan jika rundingan itu memakan masa dan pembayaran tidak dapat dibuat menjelang Hari Raya Aidilfitri bulan depan.

"Semua orang patut dapat bahagian yang sama, itu pegangan kita. Kalau dia mempunyai pendapat yang lain, sila kemukakan pendapat. Tetapi kalau rundingan memakan masa yang lama jangan marah kepada kerajaan, kalau sampai Hari Raya pun kita tak bayar duit," katanya kepada pemberita selepas merasmikan satu forum mengenai defisit imbalan pembayaran negara di sebuah hotel di sini.

Forum sehari yang disertai lebih 200 peserta daripada pelbagai sektor itu dianjurkan oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) dan ditaja oleh Bank Bumiputra Malaysia Berhad.

Dr Mahathir diminta mengulas ketetapan Konvensyen ke-20 Cuepacs di sini semalam untuk menolak tawaran pelarasan gaji bagi 848,000 kakitangan awam jika pelaksanaannya tidak mengikut formula agihan sebagaimana yang dikemukakannya kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Ketetapan yang diluluskan sebulat suara itu turut menegaskan bahawa formula agihan yang diputuskan oleh kerajaan hendaklah dirundingkan dengan Cuepacs terlebih dahulu sebelum dilaksanakan.

Ia juga menyebut bahawa Cuepacs menolak pelarasan gaji RM2,000 juta itu jika pelaksanaannya dibuat tanpa menimbangkan formula agihan Cuepacs atau tanpa perundingan dengan kongres.

Perdana Menteri berkata, beliau kurang faham maksud ketetapan itu kerana kerajaan telah menerangkan bahawa pembahagian RM2,000 juta untuk pelarasan gaji itu perlu adil dan tidak harus terbatas kepada sesuatu kumpulan sahaja.

"Kita boleh runding dengan mereka tetapi rundingan tidak bermakna kita mesti ikut apa yang mereka kata. Mereka juga harus ingat bahawa mereka berunding dengan kita bukan sebagai cara untuk mereka meletakkan syarat kepada kita. Rundingan bermakna kesanggupan untuk menerima apa yang betul," katanya.

Dr Mahathir berkata, jumlah RM2,000 juta yang ditawarkan oleh Kerajaan tidak akan ditambah lagi dan agihan yang adil adalah sesuatu yang mesti kerana semua pihak dalam kerajaan menyumbang kepada pentadbiran kerajaan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan membuat keputusan mengikut apa yang sepatutnya selepas berunding dengan Cuepacs.

"Ada cara-cara berunding. Berunding bermakna dia bagi pendapat, kita bagi pendapat, selepas itu kita buat keputusan mengikut apa yang dipandang patut," katanya.

Beliau bagaimanapun menegaskan bahawa jika tindakan secara arbitrase diambil untuk menyelesaikan persoalan pelarasan gaji itu, ugutan untuk mogok tidak boleh ada.

Jika ada ugutan untuk mogok ia bukan lagi arbitrase kerana pihak terbabit akan membuat keputusan dalam keadaan tertekan.

Apabila ditanya adakah Cuepacs bersikap degil dalam soal pelarasan gaji

itu, beliau berkata; "Saya dapati ada satu atau dua orang dalam Cuepacs sampai tak mahu bercakap dengan saya. Saya tak faham lah apa ini. Saya dapat anugerah daripada Cuepacs tetapi selepas diberi anugerah, pandangan saya ditolak sama sekali. Saya ingat susahlah sikit". -- BERNAMA